

27 MAR 1997

Mahathir - Singapura

MAHATHIR: HUBUNGAN DENGAN SINGAPURA PULIH APABILA KEMARAHAAN REDA

Oleh: Syed Jamil Jaafar

TOKYO, 27 Mac (Bernama) -- Hubungan Malaysia dengan Singapura akan pulih seperti biasa setelah perasaan tersinggung dan marah rakyat Malaysia reda berhubung satu kenyataan tidak wajar terhadap Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Ketika mengulas keputusan Kabinet Malaysia semalam untuk membekukan semua urusan dua hala baru dengan Singapura, beliau berkata rakan-rakan kabinetnya tentunya mempunyai alasan yang kukuh untuk membuat keputusan itu.

"Saya perlu mendapatkan penjelasan daripada mereka sebelum saya dapat mengulas lanjut," katanya pada satu persidangan akhbar di Kelab Akhbar Kebangsaan Jepun.

Rakyat Malaysia marah apabila Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew menyifatkan Johor sebagai negeri yang banyak jenayah, terkenal dengan "tembak menembak, menyamun dan merampas kereta".

Sejak itu Lee telah dua kali meminta maaf tetapi kenyataan oleh beberapa pemimpin Singapura termasuk Perdana Menteri Goh Chok Tong dan Menteri Luar S.Jayakumar mengenai isu itu nampaknya tidak disenangi oleh kerajaan Malaysia.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata beliau tidak melihat perkembangan terbaru itu sebagai satu masalah besar.

"Memanglah antara jiran akan ada perbezaan sekali sekala tetapi kita telahpun menyatakan bahawa lambat laun perasaan (tersinggung) ini akan dapat diatasi.

"Keputusan ini dibuat tanpa kehadiran saya (mesyuarat Kabinet itu dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan mereka tentunya mempunyai sebab yang kukuh.

"Saya ingin tahu lebih lanjut mengenainya sebelum saya dapat memberi penjelasan atau menyatakan sebabnya.

"Bagaimanapun, saya tidak nampak ini sebagai satu masalah besar.

"Bagi kita, hubungan (biasa) dengan Singapura akan pulih sebaik saja perasaan tersinggung dan marah rakyat Malaysia reda yang berpunca daripada kenyataan tidak wajar terhadap Malaysia," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berada di sini untuk lawatan rasmi empat hari. Beliau diiringi Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

Di KUALA LUMPUR, pemangku Menteri Luar Datuk Abang Abu Bakar Mustapha menjelaskan bahawa mesyuarat Kabinet semalam tidak membuat keputusan membekukan hubungan dengan Singapura.

Kenyataan beliau adalah ekoran laporan media hari ini yang memetik beberapa menteri berhubung keputusan kabinet semalam membekukan urusan dua hala baru dengan Singapura ekoran perkembangan terbaru akibat daripada kenyataan Lee memburuk-burukkan Johor itu.

Abang Abu Bakar yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengesahkan bahawa mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim itu telah membincangkan beberapa isu mutakhir mengenai hubungan kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura.

Beliau berkata kerajaan sedang mengkaji implikasi episod itu terhadap hubungan dua hala. -- BERNAMA

RN MAI